

# Penjawat awam berisiko tak naik gaji, pangkat

28,800 belum divaksin walaupun JPA sudah wajibkan mulai 1 November

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

KUALA LUMPUR

**K**erajaan akan mengambil tindakan disiplin termasuk memberi surat tunjuk sebab kepada kakitangan awam yang enggan atau belum mengambil vaksin Covid-19 selepas Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mewajibkan pengambilan vaksinasi itu mulai 1 November lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, ketika ini terdapat kira-kira 1.8 peratus daripada 1.6 juta penjawat awam masih enggan menerima vaksin berkenaan. Peratusan itu bersamaan 28,800 orang penjawat awam.

"Hari ini 10 November iaitu 10 hari selepas ia (pengambilan vaksin Covid-19) dikuatkuasakan, namun tiada sebarang tindakan (disiplin) diambil," katanya di Dewan Rakyat pada Rabu.

Beliau menjawab pertanyaan **Chan Foong Hin (PH-Kota Kinabalu)** yang meminta Perdana



Penjawat awam yang tidak mengambil vaksin dikhuatiri boleh menjejaskan sistem penyampaian kerajaan. **Gambar kecil: Latiff Ahmad**

Sinar HARAPAN 11/11/2021  
M/S  
02



Menteri menyatakan statistik penjawat awam yang enggan menerima vaksin Covid-19 tanpa alasan kukuh selepas perkara itu diwajibkan.

Menjawab soalan tambahan Foong Hin yang mahu tahu mengenai tindakan ke atas kakitangan awam terbabit, Abdul Latiff berkata, tindakan dibuat berdasarkan undang-undang yang diguna pakai JPA bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan tidak terganggu.

"Tindakan disiplin yang akan diambil ada prosesnya terutama sekali ketua jabatan perlu utus surat tunjuk sebab dan penjawat awam terlibat diberi tempoh 21 hari untuk jawab.

"Jika jawapan diterima tidak memuaskan, satu jawatankuasa siasatan dalaman dan jawatankuasa disiplin akan dibentuk di peringkat jabatan

itu untuk memutuskan tindakan seterusnya," katanya.

Tambah Abdul Latiff, antara tindakan susulan yang boleh diambil termasuk memberi amaran, celaan, serta menyekat kenaikan gaji dan pangkat, namun proses perlu dilakukan dengan sebaiknya.

JPA dalam satu kenyataan pada 30 September lalu memaklumkan penjawat awam perlu melengkapkan imunisasi itu sebelum 1 November ini.

Katanya, jika penjawat awam masih belum mengambil vaksin selepas tempoh yang ditetapkan tanpa mendapatkan pengecualian daripada pegawai perubatan kerajaan, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Setakat Selasa, sebanyak 95 peratus atau 22,228,388 individu dewasa di negara ini telah lengkap menerima dos vaksin Covid-19.